

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]**

TARIKH : 21 MEI 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi]
minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**
MASYARAKAT menyatakan apakah peranan Kementerian bagi
menghadapi bencana seperti banjir terutama daripada segi peranan
sebelum, semasa dan selepas sesuatu bencana berlaku

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan anggota dalam Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat bertanggungjawab terhadap kerja-kerja penyaluran bantuan dan pemulihan mangsa bencana. Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20 menyatakan bahawa JKM mempunyai empat (4) peranan dan tanggungjawab utama iaitu:

1. Menyedia dan menyelenggarakan pusat-pusat pemindahan mangsa-mangsa bencana.
2. Menyedia dan mengedarkan bantuan makanan dan keperluan bekalan asas kepada mangsa bencana.
3. Menjalankan pendaftaran mangsa-mangsa bencana bagi maksud pemulihan.

4. Memberi bimbingan, nasihat/kaunseling kepada mangsa-mangsa bencana.

Pelaksanaan tanggungjawab JKM terbahagi kepada tiga peringkat iaitu sebelum, semasa dan selepas bencana.

Peringkat Sebelum Bencana

Dalam peringkat sebelum bencana, JKM akan mengenal pasti dan menyediakan senarai pusat pemindahan dan pangkalan hadapan di setiap daerah. JKM juga akan menyelaras pelantikan Pengurus, Penolong Pengurus dan Penyelaras setiap pusat pemindahan.

Kursus/latihan dan simulasi bencana juga diadakan secara berkala supaya petugas dan sukarelawan berada dalam keadaan siap siaga. Selain itu, JKM akan memastikan bekalan barang-barang bantuan bencana mencukupi dan berada ditahap optimum di depot Simpanan Keperluan Bencana, stor bencana negeri dan daerah serta pangkalan hadapan.

Peringkat Semasa Bencana

Pada Peringkat Semasa Berlaku Bencana, Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah selaku Pengurus akan menyelaras Pusat Pemindahan. Peranan JKM ialah menyediakan bekalan keperluan asas, keperluan sampingan dan *loan item* akan disediakan kepada mangsa bencana. Sekiranya ada mangsa yang berpindah ke pusat pemindahan, JKM akan mengatur dan melaksanakan aktiviti yang bersesuaian, menjalankan intervensi krisis kepada mangsa yang mengalami tekanan / trauma melalui sokongan psikologikal dan terapi / aktiviti / penaksiran psikologi.

JKM juga berperanan menerima, merekod dan membuat pengagihan sumbangan berupa barangan dari pihak luar kepada mangsa bencana di pusat pemindahan.

Peringkat Selepas Bencana

Selepas kejadian bencana, JKM akan menjalankan siasatan dan seterusnya mempertimbangkan bantuan di bawah skim sedia ada seperti berikut:

- a) Semakan dan pusing ganti stok barangan bantuan bencana bagi memastikan bekalan bencana adalah mencukupi pada masa hadapan.
- b) Menjalankan penilaian kerosakan dan kesesuaian pusat pemindahan bencana untuk dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah.
- c) Aktiviti pembersihan juga akan dilakukan di pusat pemindahan yang telah digunakan.
- d) Memberi sokongan psikologikal dan terapi/aktiviti/penaksiran psikologi juga diberikan kepada mangsa yang menghadapi trauma.